

BAHASA, BUDAYA & WARISAN KITA

Pada 4 November, beberapa guru Bahasa Melayu bakal menerima Anugerah Guru Arif Budiman (Agab) sebagai mengiktiraf sumbangan mereka dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Selama tujuh minggu, BERITA HARIAN mengetengahkan tulisan sumbangan beberapa guru penerima Agab untuk ruangan Bahasa & Budaya. Ia merangkumi pelbagai topik daripada cara menerapkan penggunaan bahasa sehinggalah masakan tradisional orang Melayu. Agab dianjurkan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM), Berita Harian (BH) dan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC).

► CIKGU FARIZAN MOHD AMIN

Anak merupakan harta yang paling berharga bukan hanya untuk sesebuah institusi kekeluargaan, bahkan untuk kemasyarakatan sesebuah masyarakat.

Ibarat mencorak kain yang putih, peranan ibu bapa dan juga lingkungan masyarakat menjadi paksi kepada terhasilnya seorang insan yang berbudi.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan budi bermaksud akal atau kebijaksanaan, manakala budi pekerti pula bererti perangai, akhlak, tingkah laku, kelakuan serta sifat-sifat kebaikan sama ada melalui bicara atau daya upaya.

Pendeta yang juga tokoh budayawan Melayu asal Riau, Allahyarham Tenas Effendy, merumuskan di dalam buku, 'Tunjuk Ajar Melayu' (2006) bahawa:

"Yang disebut tunjuk ajar, menceleklakkan mata, menyaring telinga, membersihkan hati, menyempurnakan budi, memperbaiki pekerti."

Sosialisasi saling bergantung antara satu sama lain bagi penakatan hidup.

Dalam membudayakan sebuah masyarakat, perlu untuk kita melahirkan anak-anak yang lebih berbudi dalam menelusuri dunia yang rencam dan berdaya saing.

Bagi melahirkan anak yang berbudi, keseimbangan kecerdasan emosi sangat penting.

Aspek komunikasi menjadi nadi bagi memastikan wujudnya hubungan harmoni. Perkara ini sangat penting kerana lumrah kehidupan manusia yang saling memerlukan antara sama lain.

Bagi mewujudkan komunikasi yang berkesan, perlu ada beberapa perkara utama, iaitu intonasi yang sesuai, bahasa yang diujarkan dengan berkesan dan bahasa gerak-geri (*body language*) antara penutur dengan penerima.

Bayangkan seorang anak yang dibesarkan dalam lingkungan persekitaran yang memberikan kata-kata positif dan semangat yang tinggi.

Pastinya, anak ini akan membesar menjadi seseorang yang positif dan memiliki minda yang sihat.

Contohnya, ucapan "terima kasih" dan "minta maaf" perlu sering diterapkan di rumah.

Intonasi dan bahasa yang digunakan juga penting. Apabila menuturkan kata-kata positif, ibu bapa harus memandang dan bertentang mata dengan anak kerana dengan cara itu, keikhlasan akan terpancar.

Setiap tutur kata dan pengucapan kata-kata yang digunakan di rumah akan menjadi contoh kepada anak-anak.

Mereka akan mempelajari kesemua aspek positif atau negatif daripada budaya di rumah, ibarat peribahasa bagaimana acuan, begitulah kuahnya.

Ibu bapa harus prihatin tentang sikap dan tingkah laku anak-anak ketika di rumah. Tanpa kita sedari, anak-anak sedang memerhatikan setiap gerak-geri kita kerana mereka

Didik anak agar berbudi



JADI SURTI TELADAN: Ibu bapa menjadi surti teladan kepada anak-anak mereka. Tanpa disedari, anak-anak sedang memerhatikan setiap gerak-geri ibu bapa kerana mereka perlukan surti teladan dalam kehidupan mereka. — Foto ST

"Cara mendidik anak untuk berbudi bukanlah usaha ibu bapa semata-mata bahkan merangkumi usaha lingkungan persekitaran. Namun, kita akur bahawa faktor yang paling mempengaruhi ialah komunikasi dalam sesebuah keluarga. Untuk berbudi perlu ada suatu ekosistem yang positif dan sokongan pelbagai pihak, terutamanya daripada orang-orang yang dekat dengan kita."

— Penulis.

perlukan surti teladan dalam kehidupan mereka.

Maka, ibu bapalah yang menjadi surti teladan itu. Jika kelakuan buruk yang ditunjukkan, maka anak-anak lebih cenderung untuk melakukan perkara yang sama.

Keadaan realiti yang berlaku di depan mata mereka dijadikan ikutan.

Anak-anak akan beranggapan, segala perlakuan ibu bapa boleh ditcontohi oleh mereka.

Maka, untuk mendidik jiwa yang berbudi, ibu bapa perlu sering memberikan penjelasan yang bernas supaya anak-anak tidak terjebak untuk melakukan perkara-perkara yang bersifat negatif.

Ibu bapa perlu menceritakan perkara-perkara yang menunjukkan ke-

baikan berbudi atau memaparkan nilai-nilai murni yang boleh dijadikan surti teladan.

Ibu bapa menjadi surti teladan bukan hanya di rumah, malah di tempat-tempat awam atau semasa melakukan kegiatan bersama anak-anak mereka.

Di sekolah, para pelajar sering diajukan soalan tentang surti teladan mereka. Secara rawak, mereka mengatakan bahawa ibu bapa merupakan surti teladan mereka.

Hal ini adalah kerana mereka banyak meluangkan masa dengan ibu bapa dan mereka dapat melihat sendiri jerih perih serta pengorbanan kedua ibu bapa mereka di depan mata.

Ibu bapa perlu mempraktikkan atau menunjukkan sikap yang elok

sejak anak-anak masih kecil, ibarat peribahasa melentur buluh biarlah daripada rebungnya.

Kita tidak boleh menunggu sehingga anak-anak meningkat remaja untuk melakukan kebaikan.

Anak-anak akan sentiasa mendahagakan perhatian dan kasih-sayang daripada ibu bapa mereka.

Maka, berikan perhatian kepada anak-anak semasa mereka melakukan apa-apa jua bentuk kegiatan.

Apabila kita memberikan perhatian terhadap anak-anak, itu bermakna kita mengambil peduli akan anak kita.

Memberikan perhatian juga merupakan suatu bentuk komunikasi

dan perlakuan yang membina semangat jati diri seseorang anak.

Usah patahkan semangat anak dengan memperkecilkan kebolehan atau keupayaan mereka. Sebaliknya, berikan kata-kata semangat dan yakinkan anak-anak kita tentang kemampuan mereka, walaupun akan mengambil masa.

Akhirnya, apabila anak itu telah mencapai suatu tahap keberdayaan diri, ibu bapa harus terus menyokong dan mengesahkan pencapaian mereka.

Sikap jujur harus dititikberatkan kepada anak-anak supaya mereka menjadi insan yang boleh dipercayai.

Dehakan mereka dengan cerita-cerita yang menekankan sikap jujur. Ajari mereka untuk bercakap benar dalam apa-apa juga situasi yang dihadapi walaupun sukar.

Perbuatan seperti menepati janji dan tidak bercakap bohong harus ditekankan pada setiap masa sejak mereka kecil lagi.

Lazimkan komunikasi yang bersifat terbuka dalam keluarga untuk membina kepercayaan terhadap satu sama lain.

Namun, ibu bapa wajar untuk menegur anak mereka dengan memberikan alasan yang munasabah dan dapat diterima oleh anak-anak.

Perkara ini harus dilakukan dengan berhemah agar dapat mewujudkan hubungan keluarga yang harmoni.

Akhir sekali, untuk mendidik anak supaya berbudi, amalkan sifat muhasabah atau refleksi diri bersama-sama anak.

Hal ini boleh dijadikan satu kegiatan bersama keluarga ataupun dilakukan secara peribadi.

Anak-anak harus diberikan masa untuk melatih diri mereka supaya

BIODATA PENULIS



Cikgu Farizan Mohd Amin kini bertugas sebagai Ketua Jabatan Bahasa Ibunda di Sekolah Menengah Peicai. Beliau merupakan penerima Anugerah Guru Arif Budiman (Agab) 2011.

mempunyai sifat muhasabah.

Mereka perlu disedarkan bahawa setiap perlakuan dan perbuatan mereka akan memberikan kesan terhadap diri sendiri dan orang lain.

Dengan melakukan muhasabah diri, mereka dapat merenung kembali setiap perbuatan dan kemudian memikirkan cara untuk memperbaiki diri pada masa hadapan.

Kesimpulannya, seperti yang telah dinyatakan oleh Allahyarham Tenas, "yang disebut tunjuk ajar, menceleklakkan mata, menyaring telinga, membersihkan hati, menyempurnakan budi, memperbaiki pekerti".

Cara mendidik anak untuk berbudi bukanlah usaha ibu bapa semata-mata bahkan merangkumi usaha lingkungan persekitaran.

Namun, kita akur bahawa faktor yang paling mempengaruhi ialah komunikasi dalam sesebuah keluarga.

Untuk berbudi perlu ada suatu ekosistem yang positif dan sokongan pelbagai pihak, terutamanya daripada orang-orang yang dekat dengan kita.